

07 JAN 1997

C HEIGHTS YAKIN JADI TUAN RUMAH MESYUARAT APEC DAN G15 DI HOTEL BARU

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Country Heights Holdings Bhd yakin bahawa hotel mewahnya Palace of the Golden Horses akan dilantik sebagai hotel tuan rumah bagi mesyuarat-mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara-negara Membangun (G15) yang akan diadakan di Malaysia dalam tahun 1998 dan 1997.

Pengarah urusan kumpulan, Datuk Lee Kim Yew, berkata hari ini syarikat itu berterima kasih kerana bayangan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu hari ini.

Perdana Menteri, yang berpuas hati dengan kerja ke atas "The Mines Resort City" yang berharga RM2 bilion itu, telah membayangkan bahawa hotel itu mungkin merupakan lokasi pilihan bagi beberapa mesyuarat antarabangsa.

Dr Mahathir sebelum itu telah melawat projek yang meliputi lima juta kaki persegi itu. Ini adalah lawatan rasmi beliau yang kedua, yang pertama tahun lalu.

Bercakap kepada pemberita selepas lawatan itu, Lee berkata sejak awal lagi syarikat telah membincangkan dengan para pegawai kerajaan, termasuk daripada Wisma Putra untuk mengujudkan sebuah hotel bagi menampung peristiwa peringkat antarabangsa.

Apabial siap dan dibuka menjelang pertengahan 1997, hotel bertema dan pusat peranginan itu akan menampilkan 82 bilik mewah, lebih 400 bilik dan kira-kira 40,000 kaki persegi dewan persidangan.

Lee berkata Country Heights setakat ini telah melabur RM1.3 bilion ke atas projek "Mines Resort City" yang terletak di atas bekas tanah lombong di Sungei Besi di pinggir Kuala Lumpur.

Sebagai projek biayaan sendiri, katanya: "Kami tidak perlu bimbang mengenai pembiayaan. Apa yang kami lakukan di sini adalah amat laris," katanya.

The Mines Resort City dianggap sebagai tujuh Keajaiban Malaysia kerana ia mengandungi tujuh komponen iaitu Palace of the Golden Horses, Mines Resort & Golf Club, The Mines Wonderland, The Mines Shopping Fair, Mines Beach Resort, The Mines Waterfront Business Park, dan pusat pameran terbesar di negara ini, Malaysian International Exhibition & Showroom.

Dijangka dibuka bulan ini, pusat membeli belah, bernama The Mines Shopping Fair, akan menempatkan lebih 250 lot ruang runcitan dan Parkson sebagai penyewa utama, kata Lee.

Daripada pusat membeli-belah, Country Heights mengunjurkan kira-kira RM13 juta pendapatan sewaan dalam tahun pertama dan selepas itu jumlah itu akan meningkat perlahan-lahan, terang Lee.

Mengenai pusat pameran, Lee menjangka kawasan 400,000 kaki persegi itu akan siap menjelang Jun, sebulan sebelum pameran pertama mengenai Barangan Malaysia dijadual diadakan.

Projek-projek lain sedang dirancang untuk The Mines Resort City termasuk ibu pejabat baru Sapura Group berharga RM161 juta dan Pusat Teknologi Maklumat yang akan menyokong Koridor Raya Multimedia di mana kawasan itu terletak di dalamnya.

-- BERNAMA

AD OS/sia